

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 47 )**

*4 DESEMBER 2015*

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9 )**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN V. SIVAKUMAR**

**TARIKH: 1 DISEMBER 2015**

**SOALAN:**

**Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda Seksyen 19 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 berkaitan dengan penalti bagi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15,16,17 atau 18 yang mana hukuman atau/ dan denda yang dikenakan adalah dianggap terlalu longgar dan tidak munasabah.

PR-1333-L71097

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Seksyen 15, 16, 17 dan 18, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 memperuntukkan kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri terhadap pekerjanya dan orang-orang selain daripada pekerjanya. Kewajipan am ini merangkumi kewajipan setiap majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja; menyediakan polisi keselamatan

dan kesihatan pekerjaan dan memastikan orang lain selain pekerjanya tidak terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

2. Sebarang pelanggaran di bawah seksyen-sekyen ini akan disabitkan keselahan di bawah Seksyen 19, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994. Disebabkan seksyen ini amat penting kerana ianya melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerja maka kerajaan berhasrat untuk meminda seksyen ini dengan mengenakan hukuman atau/dan denda yang lebih berat bagi memastikan majikan mematuhi dan melaksanakan kewajipan seperti yang telah dikuatkuasakan.